

TEKUN terima 7,681 permohonan CBRM

KUALA LUMPUR: Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional setakat ini telah menerima 7,681 permohonan untuk Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Covid (CBRM) daripada usahawan, terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas akibat penularan Covid-19.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, agensi itu telah memudahkan permohonan pinjaman tersebut, pada mulanya dengan menggunakan Google Form dan melalui

e-mel.

Berkuat kuasa semalam, sistem aplikasi dalam talian juga telah dicipta, yang mana pengusaha boleh memohon skim tersebut dengan mengisi borang di <http://fas.tekun.gov.my/cbrm/>, katanya dalam satu kenyataan semalam.

Wan Junaidi berkata demikian bagi menjawab tuduhan mengenai syarat yang terlalu ketat

yang dilaksanakan terhadap PKS yang terjejas akibat Covid-19 yang menyukarkan mereka untuk memohon kemudahan

bantuan khas itu.

Pada 6 April lepas, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi PKS Prihatin Tambahan sebanyak RM10 bilion. Ini termasuk pinjaman mudah RM200 juta untuk perusahaan mikro yang akan diberikan melalui TEKUN Nasional dengan had pinjaman maksimum RM10,000 untuk setiap syarikat dengan kadar faedah sifar.

Wan Junaidi berkata, pemohon hanya perlu menyertakan dokumen minimum - borang perisytiharan dengan tandatangan dan penyata bank satu bulan yang terbaharu, salinan MyKad pemohon dan isteri, lesen perniagaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau pihak berkuasa tempatan atau dokumen rasmi lain sebagai bukti perniagaan, dan salinan bil utiliti pemohon. - Bernama

MENTERI Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar

